

03/02/2001

Tiga kawasan berpotensi tapak baru Zoo Negara

PUTRAJAYA, Jumaat - Tiga kawasan di antara Putrajaya dan Sepang dikenal pasti berpotensi untuk menjadi tapak baru Zoo Negara, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Beliau yang enggan memberitahu lokasi kawasan dikenal pasti itu, berkata tapak berkenaan disenarai pendek daripada lima kawasan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Selangor.

"Kita sedang mengkaji kesesuaian kawasan yang dicadangkan itu dan kini masuk ke peringkat akhir," katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan Taman Wetland Putrajaya di sini, hari ini

Law berkata, tapak baru zoo itu akan membabitkan kawasan tidak kurang 1,000 hektar, berbanding hanya kira-kira 60 hektar tapak sekarang di Hulu Klang, Selangor.

Baru-baru ini, Naib Presiden Persatuan Zoologi Malaysia, Datuk Ismail Hutson, berkata cadangan memindahkan Zoo Negara yang berusia hampir 40 tahun itu sedikit sebanyak menjejaskan usaha meningkatkan pembangunan prasarana zoo berkenaan.

Cadangan perpindahan zoo ke kawasan yang lebih luas dan jauh daripada pembangunan dicadangkan lebih lima tahun lalu memandangkan kawasan sedia ada sesak dengan kawasan perumahan.

Law berkata, Taman Wetland Putrajaya adalah antara kawasan sesuai dan beliau akan melawat kawasan yang dikenal pasti itu, sebelum akhir bulan ini.

(END)